



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**23 APRIL 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 65 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 370,431 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Kuala Penyu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 308 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 360,241 orang. Manakala 196 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 195 orang di hospital, satu (1) orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC). Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 13 orang merangkumi 12 di ICU/repurposed kritikal *care* serta satu (1) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 10 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Putatan berubah dari zon merah jingga ke zon jingga .

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning 11 daerah
- Zon Jingga tujuh (7) daerah
- Zon Merah sembilan (9) daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah jangkitan harian kembali kepada 'zon stabil' dua (2) angka dengan 65 kes baharu, 84 lebih rendah daripada jumlah kelmarin.
- b. Setelah dikejutkan dengan pengisytiharan kluster pendidikan baharu di Lahad Datu semalam, keadaan di semua daerah di Sabah nampak stabil dan terkawal. Cuma satu (1) daerah yang mencatatkan kes baharu dua (2) angka, iaitu Kota Kinabalu dengan 20 kes (+7). Daerah-daerah sekitar Kota Kinabalu seperti Tuaran (2), Penampang (6) dan Papar (9) juga mencatatkan jumlah kes baharu yang rendah, malah tidak ada kes baharu direkodkan di Putatan.
- c. Tidak ada tambahan kepada jumlah kes positif di kalangan pelajar di Kluster SM Sains Lahad Datu setakat ini, dan daerah tersebut juga tidak mencatat sebarang kes baharu dalam tempoh 24 jam yang lalu.
- d. Sebanyak 16 daerah mencatatkan kes harian satu (1) angka dan tujuh (7) daripada daerah-daerah tersebut masing-masing merekodkan hanya satu (1) kes baharu. Tidak ada jangkitan baharu di rekodkan di 10 daerah. Daerah-daerah tersebut ialah, Beluran, Kunak, Lahad Datu, Pitas, Putatan, Ranau, Sipitang, Tambunan, Telupid dan Tongod.
- e. Seramai 60 orang daripada 65 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, dua (2) orang dalam Kategori 3, seorang (1) dalam Kategori 4 dan dua (2) orang dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	18	27.69%
3	Bergejala	36	55.38%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	11	16.92%
<b>JUMLAH</b>		<b>65</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (22 April 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 22/04/2022</b>	<b>Catatan Kes 23/04/2022</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Kota Kinabalu	13	20	+7
2	Kota Marudu	0	5	+5
3	Papar	7	9	+2
4	Nabawan	0	1	+1
5	Tawau	3	3	Mendatar
6	Kunak	0	0	Mendatar
7	Tongod	0	0	Mendatar
8	Lahad Datu	40	0	-40
3	Sandakan	18	4	-14
10	Putatan	8	0	-8
11	Beaufort	8	1	-7
12	Penampang	10	6	-4
13	Tuaran	6	2	-4
14	Tenom	4	1	-3
15	Keningau	6	4	-2
16	Semporna	4	2	-2
17	Kudat	3	1	-2
18	Sipitang	2	0	-2
19	Beluran	2	0	-2
20	Tambunan	2	0	-2
21	Kalabakan	2	1	-1
22	Kinabatangan	2	1	-1
23	Kuala Penyu	2	1	-1
24	Telupid	1	0	-1
25	Pitas	1	0	-1
26	Ranau	1	0	-1
27	Kota Belud	4	3	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>149</b>	<b>65</b>	<b>-84</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	1	17	0	2	20	316
Papar	0	2	6	0	1	9	97
Penampang	0	3	3	0	0	6	121
Kota Marudu	0	5	0	0	0	5	31
Sandakan	0	3	1	0	0	4	131
Keningau	0	2	1	0	1	4	30
Kota Belud	0	1	2	0	0	3	26
Tawau	0	0	2	0	1	3	76
Tuaran	0	0	1	0	1	2	82
Semporna	0	0	0	0	2	2	20
Beaufort	0	0	0	0	1	1	66
Tenom	0	0	0	0	1	1	42
Kudat	0	0	1	0	0	1	29
Kuala Penyu	0	0	0	0	1	1	31
Kinabatangan	0	0	1	0	0	1	9
Kalabakan	0	0	1	0	0	1	5
Nabawan	0	1	0	0	0	1	7
Lahad Datu	0	0	0	0	0	0	64
Putatan	0	0	0	0	0	0	36
Sipitang	0	0	0	0	0	0	10
Beluran	0	0	0	0	0	0	10
Tambunan	0	0	0	0	0	0	20
Ranau	0	0	0	0	0	0	28
Pitas	0	0	0	0	0	0	9
Telupid	0	0	0	0	0	0	18
Tongod	0	0	0	0	0	0	4
Kunak	0	0	0	0	0	0	6
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>18</b>	<b>36</b>	<b>0</b>	<b>11</b>	<b>65</b>	<b>1324</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 1,165 unit.

- Hospital 1,113 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 24 unit
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 16.82%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 23 APRIL 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	63
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
<b>Jumlah</b>	<b>65</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Johor	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	62
Bukan Malaysia	3
<b>Jumlah</b>	<b>65</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	2
Belum Menerima Vaksin (5-11)	11
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	3
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	32
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	16
<b>Jumlah</b>	<b>65</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	0
1-4	2
5 -11	11
12-17	15
18-29	13
30-39	8
40-49	6
50-59	2
60-69	4
70-79	1
80-89	2
>90	1
<b>Jumlah</b>	<b>65</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 22 April 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,496 orang. Daripada jumlah ini, seramai 784 orang adalah penduduk dewasa, 182 orang adalah penduduk remaja dan 2,530 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 22 April 2022 adalah seramai 2,577,435 orang. Ini meliputi 2,134,276 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.56% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,443,251 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,091,637 orang atau 76.99% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 334,327 orang atau 78.44% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 318,307 atau 74.68% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 108,832 atau 26.45% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 33,307 atau 8.10% orang.

## **D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 127 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 46 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat iaitu di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 879 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.



ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 200 premis perniagaan dan 269 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.

3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 109 Premis Perniagaan melibatkan 51 anggota APM.

4 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 150 hebahan di seluruh Sabah.

#### **E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP PROSEDUR OPERASI STANDARD SEMASA (MYSOP)**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap prosedur operasi standard semasa (MYSOP) pada hari ini ialah **98.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kinabatangan	98.8%
2	Beluran	98.7%
3	Kunak	98.6%
4	Kota Marudu	98.6%
5	Semporna	98.6%
6	Sipitang	98.6%
7	Keningau	98.5%
8	Beaufort	98.5%
9	Kota Belud	98.5%
10	Ranau	98.5%
11	Tenom	98.4%
12	Kudat	98.4%
13	Lahad Datu	98.3%
14	Sandakan	98.2%
15	Tuaran	98.2%
16	Penampang	98.2%
17	Kota Kinabalu	98.2%
18	Tawau	98.1%
19	Papar	98.1%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**